



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

STATUS LADANG HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA



JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

ISI KANDUNGAN



BIL.	PERKARA
1.0	LATAR BELAKANG
2.0	SEJARAH PENUBUHAN LADANG HUTAN
3.0	DASAR DAN PANDUAN
4.0	STATUS SEMASA PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN
5.0	ISU DAN CABARAN
6.0	HALA TUJU

1.0 LATAR BELAKANG

Ladang Hutan didefinisikan sebagai kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50ha. (Manual Perhutanan Jilid III)

Malaysia secara tradisinya bergantung kepada sumber kayu daripada hutan semula jadi. Namun, keprihatinan terhadap pengurusan hutan secara berkekalan telah menjadi isu yang sering diperkatakan. Penggunaan konsep pembalakan untuk mendapatkan sumber kayu daripada Catuan Tebangan Tahunan (CTT) dengan hanya bergantung kepada hutan asli sahaja, maka jumlah kayu akan menjadi semakin kurang.

Pada masa sekarang, tekanan terhadap sumber bekalan kayu terutamanya daripada Hutan Simpanan Kekal semakin meningkat dan perancangan perlu dilakukan bagi meningkatkan bekalan kayu kayan di masa hadapan melalui penubuhan ladang hutan.



2.0 SEJARAH PENUBUHAN LADANG HUTAN

Penanaman *Eucalyptus deglupta* (benih dari New Guinea)

1927

1931-1941

Penanaman pelbagai spesies *eucalyptus* di Hutan Simpan Cameron Highland bagi tujuan bekalan kayu dan kayu api

Usaha pembangunan ladang hutan untuk pengeluaran kayu gergaji bermutu tinggi
Spesies: Jati & Meranti

1950

Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978

Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1992)

1960

Penubuhan ladang hutan spesies pine (*Pinus caribaea*) dan *Araucaria* spp. di negeri Pahang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan (kayu pulpa-industri kertas)

1982

Projek Ladang Hutan Kompensatori di Pahang, Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Terengganu & Kelantan untuk menambah bekalan kayu
Spesies: Akasia, Yemane & Batai

2.0 SEJARAH PENUBUHAN LADANG HUTAN

Pelaksanaan Moratorium Ladang Hutan

1992

Pembukaan semula moratorium ladang hutan (Kementerian Perusahaan Utama)

1994

Pengswastaan Penubuhan Ladang Hutan kepada GLC dan Syarikat Pengusaha Ladang

1995

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) 2009 - 2020

2012

Majlis Tanah Negara ke – 68 telah meluluskan Zon Pembangunan Ladang Hutan bagi setiap negeri

2021

Majlis Tanah Negara ke – 79 telah meluluskan moratorium kelulusan baharu pembangunan ladang hutan di Semenanjung Malaysia

3.0 DASAR DAN PANDUAN



DASAR PERHUTANAN NEGARA 1978

“Pelaksanaan Dasar E: Pembangunan Industri Kayu/Kayan”



DASAR PERHUTANAN NEGARA 1978 PINDAAN 1992


“Kenyataan Dasar 2.2.7: Untuk menubuhkan ladang-ladang hutan daripada spesies-spesies tempatan dan luar negeri bagi menampung bekalan daripada hutan asli”



DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

TERAS 4
“Menggalakkan Pembangunan Hutan Ladang untuk Pengeluaran Kayu dan Bukan Kayu”

3.0 DASAR DAN PANDUAN



DASAR PERHUTANAN MALAYSIA

OBJEKTIFAN
3 : Menjamin sumber bahan mentah yang berterusan dari kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi kelangsungan pembangunan industri berasaskan kayu dan bukan kayu

Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030



DASAR AGRIKOMODITI NEGARA

STRATEGI:
Kesinambungan Program Pembangunan Ladang Hutan melalui Program Pembangunan Ladang Hutan 2.0 (PPLH 2.0)

3.0 DASAR DAN PANDUAN

PEMILIHAN SPESIES UNTUK PENUBUHAN LADANG SECARA JABATAN

1

Pokok yang cepat membesar dan mampu mencapai saiz berukuran kayu balak kecil (sekurang-kurangnya 30cm) dalam tempoh 15 tahun

2

Menghasilkan kayu yang berkualiti, pelbagai guna dan pasaran yang baik

3

Mudah ditanam sebagai spesies ladang hutan

4

Mudah untuk mendapatkan bekalan anak pokok atau biji benih.



Eucalyptus spp (HS Gunung Besout, Perak)

3.0 DASAR DAN PANDUAN

SPESES LADANG HUTAN

16
SPESES

9 7

Spesies di bawah program pembangunan ladang hutan

Spesies tempatan yang sesuai ditanam



Acacia mangium
(Akasia)



Tectona grandis
(Jati)



Azadirachta excelsa
(Sentang)



Endospermum malaccense
(Sesendok)




Dryobalanops aromatica
(Kapur)



Octomeles sumatrana
(Binuang)



Khaya ivorensis
(Khaya)



Eucalyptus spp.



Shorea leprosula
(M. Tembaga)



Shorea parvifolia
(M. Sarang Punai)



Hevea brasiliensis
(Getah)



Neomalarckia cadamba
(Kelempayan)



Paraserianthes falcataria
(Batai)



Shorea roxburghii
(M. Temak Nipis)



Dyera costulata
(Jelutung)



Hopea odorata
(M. Siput Jantan)

4.0 STATUS SEMASA PEMBANGUNAN LADANG HUTAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2023




Jadual : Keluasan (ha) bagi spesies yang telah ditanam di dalam Hutan Simpanan Kekal sehingga 31 Disember 2023

BIL.	SPESES YANG TELAH DITANAM	KELUASAN (HA)
1.	Getah Klon Balak	72,139.09
2.	Akasia	21,197.48
3.	Batai	4,891.04
4.	Eucalyptus	13,503.89
5.	Jati	2,146.85
6.	Kelempayan	2,051.50
7.	Lain-lain spesies	28,721.79
		144,651.64


Peratusan Spesies yang telah ditanam sehingga 31 Disember 2023

PECAHAN SPESES DAN KELUASAN (HA) YANG TELAH DITANAM DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL SEHINGGA DIS 2023



Konflik dalam pengurusan ladang hutan antara Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri

- Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan - tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
- Peranan Kerajaan Persekutuan hanya dalam hal-ehwal berkaitan latihan, kajian serta nasihat teknikal yang mana ianya dipertanggungjawabkan kepada JPSPM bagi tujuan pelaksanaannya.
- Perkara 91 (5) Perlembagaan Persekutuan - penubuhan MTN sebagai forum untuk penyeragaman dasar-dasar untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Semenanjung Malaysia. Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk sedemikian.



Penyelarasan Tanggungjawab dan Tindakan Pelbagai Agensi Di Peringkat Negeri

Di antara agensi-agensi yang terlibat adalah :

Jabatan Alam Sekitar

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Jabatan Kemajuan Orang Asli

5.0 ISU DAN CABARAN

Kawasan yang telah diusahasil bagi tujuan pembangunan ladang hutan tetapi belum ditanam sepenuhnya

- Di antara faktor – faktor yang berkemungkinan menjadi punca kepada kelewatan penanaman adalah seperti berikut:

Kekurangan pekerja untuk aktiviti penanaman

Kontraktor pembalok dan pengusaha ladang adalah dalam kalangan syarikat yang berbeza

Kekurangan modal pusingan

Kontraktor kurang pengalaman

Kawalan perosak dan penyakit pokok dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan dan spesies yang disenaraikan di dalam *Invasive Alien Species (IAS)*

- Jenis serangan perosak dan penyakit pokok di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan. Di antaranya adalah seperti berikut :



Serangan serangga pada daun



serangan serangga pada batang



serangan penyakit pada daun



serangan penyakit pada batang



serangan penyakit pada akar

Bekalan bahan tanaman yang dibawa daripada luar negara bagi tujuan pembangunan ladang hutan

- Kebanyakan dibawa daripada luar negara bagi tujuan pembangunan ladang hutan
- Tiada sijil fitosanitasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia
- Tiada permit import daripada MAQIS
- Risiko penyakit dan sebaran penyakit pokok adalah tinggi

Keperluan pekerja mahir dalam sektor perladangan hutan

- Pekerja mahir dalam sektor hutan dan ladang hutan melibatkan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan dan pemeliharaan kawasan hutan, pengeluaran kayu, dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan alam semula jadi.

Sebahagian besar pekerja asing yang sering berpindah dan bertukar kerja ke sektor lain menyebabkan pihak pengusaha ladang hutan sukar untuk melahirkan pekerja mahir dalam industri perladangan hutan.

Pekerja mahir dalam sektor ladang hutan memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan, kelestarian, dan kelestarian sumber hutan dan alam sekitar

Mereka perlu mempunyai pengetahuan mendalam tentang ekologi hutan, kemahiran teknikal, dan kesedaran terhadap isu-isu konservasi

Bantahan komuniti setempat dan NGOS



5.0 ISU DAN CABARAN

Gangguan hidupan liar



Penerokaan orang asli




Kebakaran hutan

5.0 ISU DAN CABARAN



Penyelidikan yang berkesan memerlukan masa untuk meningkatkan kualiti pengurusan ladang hutan

- Berikut adalah beberapa aspek yang mungkin menjadi fokus utama dalam penyelidikan pembangunan ladang hutan:



European Union Deforestation Regulation (EUDR) kepada sektor kayu-kayan

- Dasar baharu oleh negara-negara Eropah (EU) yang diperkenalkan akan memberi tekanan kepada sumber kayu daripada ladang hutan yang dibangunkan.
- Dasar baharu yang diperkenalkan diantaranya memerlukan pematuhan kepada due diligence yang lengkap dan didokumentasikan di dalam tempoh 5 tahun bagi membolehkan bahan mentah atau produk daripada sumber ladang hutan yang dihasilkan ke pasaran EU.
- Selain daripada itu, keperluan lain yang diperlukan oleh EUDR seperti geo-location dan persijilan kawasan pembangunan ladang hutan akan meningkatkan lagi kos pengurusan ladang hutan.
- Berdasarkan EUDR juga, tiada aktiviti penebangan hutan atau pengusahaan kawasan hutan dibenarkan selepas **31 Disember 2020**.

6.0 HALATUJU

Pelan Tindakan Projek Pembangunan Ladang Hutan

Moratorium Penubuhan Ladang Hutan (MTN Ke-79, 2 Disember 2021)

Kepentingan Penetapan Moratorium Penubuhan Ladang Hutan

- Mengkaji dan menilai kejayaan program penubuhan ladang hutan dalam HSK yang telah dilaksanakan
- Tempoh moratorium sekurang-kurangnya 15 tahun dikenakan (satu pusingan tebang) bagi membolehkan kawasan yang ditebang dan dibersihkan tetapi belum ditanam dapat ditanam sepenuhnya
- Mengkaji kesan jangka masa panjang program ladang hutan
- Mengurangkan perubahan/kehilangan perkhidmatan ekosistem dan bentuk muka bumi HSK
- Keperihatinan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ke atas bantahan masyarakat tempatan, NGO dan orang asli terhadap pembangunan ladang hutan
- Memberi peluang dan ruang Kerajaan Negeri memastikan pengusaha ladang lebih proaktif menanam sepenuhnya ladang hutan

Pelan Tindakan Projek Pembangunan Ladang Hutan

- Mengenal pasti dan mewujudkan zon pembangunan ladang hutan dalam HSK
- Kajian bagi mengenal pasti spesies-spesies yang sesuai dan mempunyai nilai komersial untuk ladang hutan ke arah mempertingkatkan pulangan hasil;
- Menggalakkan pembangunan ladang hutan di tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah bermilik yang sesuai;
- Meningkatkan keupayaan tapak semeaian bagi tujuan pembekalan anak benih yang berkualiti untuk pembangunan ladang hutan;
- Memperkasa insentif untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta dan individu dalam pembangunan ladang hutan;
- Mewujudkan Skim Pembangunan Ladang Hutan Secara Berkelompok bagi Tanah Bermilik;
- Melaksanakan Amalan Pengurusan Terbaik dalam pembangunan ladang hutan berasaskan standard pengurusan ladang hutan yang diiktiraf;
- Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi-agensi berkaitan bagi memantapkan pembangunan ladang hutan; dan
- Memberi khidmat nasihat dan latihan dalam pembangunan ladang hutan.

6.0 HALATUJU



Pengemaskinian Standard Operating Procedure (SOP) Pembangunan Projek Ladang Hutan

SOP ini bertujuan untuk menyeragamkan prosedur kerja yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Surat kelulusan penubuhan ladang hutan;
- ii. Dokumen perjanjian penubuhan ladang hutan;
- iii. Syarat-syarat tambahan penubuhan ladang hutan;
- iv. Panduan proses kerja penubuhan ladang hutan (sebelum, semasa dan selepas);
- v. Garis panduan jalan ladang dan infrastruktur; dan
- vi. Tugas dan tanggungjawab bagi pemantauan penubuhan ladang hutan.

KESIMPULAN

- Penubuhan ladang hutan merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi pertumbuhan industri perkayuan terus berdaya saing di negara ini.
- Penubuhan ladang hutan bukan sahaja sebagai satu usaha untuk mendapatkan bekalan kayu yang berterusan, malah untuk menggantikan kawasan miskin dan terosot kepada kawasan yang lebih produktif dengan menanam spesies tempatan atau eksotik yang mempunyai kadar tumbesaran yang cepat dan bermutu tinggi.

TERIMA KASIH

